

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.32 (71)
Tarikh : 1 Oktober 2014

**Ketua Pengarang
Harian Metro**

Tuan,

MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR HARIAN METRO BERTAJUK "SAYA SENTIASA KETAKUTAN, GADIS TIADA MYKAD BIMBANG DITANGKAP POLIS MAHU HUBUNGI IBU KANDUNG" BERTARIKH 29 SEPTEMBER 2014, ISNIN – M.S: 40 (SETEMPAT)

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Nurul Hidayah binti Abdullah berkenaan tidak memiliki MyKad.
3. Untuk makluman, Puan Nurul Hidayah binti Abdullah telah memiliki sijil kelahiran Malaysia yang berstatus kewarganegaraan "Belum Ditetapkan". Ini disebabkan maklumat ibubapa tidak dicatatkan pada sijil kelahiran.
4. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama beliau untuk hadir ke JPN Putrajaya di Bahagian Kad Pengenalan bagi membuat semakan selanjutnya untuk menentukan kelayakkan bagi dikeluarkan kad pengenalan berdasarkan dokumen yang dipegang olehnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
 4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)